

Duda berdepan 631 pertuduhan antaranya merogol, meliwat remaja berusia 15 tahun

Ejen pelaburan aniaya anak gadis

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA – Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di sini semalam bersidang tiga jam untuk mendengar 182 daripada 631 pertuduhan ke atas seorang lelaki yang didakwa menjadikan anak gadis sendiri sebagai mangsa memuaskan nafsu buasnya.

Dalam prosiding bermula pada pukul 2.30 petang, Timbalan Pendakwa Raya Nordiana Ali dan Aimi Syazwani Sarmin hanya sempat membacakan 182 pertuduhan ke atas lelaki berusia 36 tahun itu sebelum prosiding itu ditangguhkan pada pukul 6 petang.

Baki, 449 pertuduhan yang dihadapi ejen pelaburan itu akan disambung semula hari ini kerana tidak sempat didaftarkan.

Kesemua 631 pertuduhan yang dihadapi lelaki itu meliputi pertuduhan merogol, meliwat, sumbang mahram dan melakukan seksual fizikal ke atas anak kandungnya sendiri yang berusia 15 tahun.



SEORANG ejen pelaburan dibawa ke Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Putrajaya semalam untuk menghadapi pertuduhan melakukan jenayah seksual terhadap anak kandung sendiri.

han luar tabii dengan meliwat mangsa di tempat sama, antara pukul 6 pagi sehingga pukul 12 tengah malam, antara 1 hingga 9 Januari dan setiap hari sepanjang Mac lalu.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Bagi semua 182 pertuduhan tersebut, ejen pelaburan terbabit tidak mengaku bersalah dan minta dibicarakan.

Tertuduh yang memakai baju-T warna kelabu dan berseluar jean tidak diwakili peguam dan sepanjang prosiding dia kelihatan lebih banyak menundukkan kepala.

Nordiana meminta mahkamah tidak memberikan jaminan kepada tertuduh kerana kesalahan yang dilakukan sangat serius dan dikuatiri tertuduh akan melarikan diri atau mengganggu mangsa termasuk bekas isterinya yang membuat laporan polis berhubung kes tersebut.

INFO Pertuduhan dihadapi ejen pelaburan

- 30 pertuduhan melakukan jenayah seksual secara fizikal terhadap mangsa dan setiap kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 14/16 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan

- Satu pertuduhan melakukan sumbang mahram terhadap mangsa dan kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) dan Seksyen 31(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2016, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali

- Satu pertuduhan merogol terhadap mangsa mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20

Berdasarkan kesemua pertuduhan yang bakal dihadapinya, lelaki itu boleh dihukum penjara sehingga 3,000 tahun jika sabit dengan kesemua kesalahan yang dikenakan.

Prosiding pendakwaan semalam sepatutnya bermula pada sebelah pagi namun terpaksa ditangguhkan ke waktu petang ekoran bilangan pertuduhan yang terlalu banyak dan memerlukan pihak pendakwaan menyemak setiap pertuduhan dengan berhati-hati.

Sepanjang prosiding semalam mahkamah juga berhenti bersidang tiga kali kerana pihak pendakwaan terpaksa menyelaraskan kertas pertuduhan.

Kesemua 182 pertuduhan yang berlangsung semalam dibacakan

di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Yong Zarida Sazali.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh yang merupakan seorang duda didakwa atas 30 tuduhan melakukan jenayah seksual secara fizikal terhadap anak perempuannya yang juga pelajar sekolah menengah di bilik tidur utama rumahnya, di Petaling Jaya, Selangor antara pukul 6 pagi 11 Julai hingga pukul 1 pagi, 20 Julai lalu.

- Kesemua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 14/16 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang diberi hak

menjaga anak gadisnya itu, didakwa melakukan sumbang mahram atau penganiayaan seks terhadap mangsa sama antara 1 Januari hingga 21 Julai lalu dan kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) dan Seksyen 31(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2016, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Lelaki itu turut dituduh mero gol mangsa di tempat sama, pukul 2 petang, 21 Julai lalu dan didakwa mengikut Seksyen 376B Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Tertuduh juga berdepan 150 tuduhan melakukan persetubu-

Bagaimanapun, tertuduh meminta dia dibenarkan ikat jamin dengan alasan terpaksa menanggung kedua-dua ibu dan bapanya.

Selepas mendengar permohonan pendakwaan dan tertuduh, Yong Zarida membuat keputusan tidak membenarkan sebarang jaminan kepada tertuduh.

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan keji itu sejak dua tahun lalu iaitu selepas dia berce- rai dengan isterinya manakala mangsa tinggal bersama bapanya itu.

Tertuduh ditahan polis pada 26 Julai lalu selepas mangsa mendedahkan nasib yang menyimpannya kepada ibu kandung- nya. Sebelum itu, tertuduh juga didakwa berhasrat mengambil

penjara maksimum 30 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

- 150 pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dan kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, yang boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

- Baki 449 lagi pertuduhan berkaitan perbuatan seks akan disambung hari ini

dua lagi anak lelakinya, masing- masing berusia sembilan dan 11 tahun untuk tinggal bersama- nya.